

## **Lawatan Tapak Ujian Kalibrasi EDM KADA Resort**

Lawatan Tapak Ujian Kalibrasi EDM KADA Resort, Melor, Kelantan oleh YBhg. Dato' Sr Dr. Azhari bin Mohamed, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia merangkap Pengetahuan Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT). Lawatan tapak ini turut diiringi oleh Sr Dr. Ahmad Sanusi bin Che Cob, Pengarah Ukur dan Pemetaan Kelantan, Sr Saiful Wazlan bin Wahab, Pengarah Ukur dan Pemetaan Wilayah Persekutuan/Putrajaya dan pegawai-pegawai JUPEM lain.

Pada Majlis yang sama turut hadir pensyarah UTM Johor Bahru iaitu Prof. Sr Dr. Mohd Razali bin Mahmud. Sr Dr. Ahmad Sanusi bin Che Cob turut memberi taklimat ringkas berkaitan penggunaan Tapak Ujian Kalibrasi EDM kepada YBhg. Dato' KPUP di tapak kalibrasi tersebut. Lawatan diadakan sempena Mesyuarat Penganjuran Seminar Falak Kontemporari Kebangsaan 2020 bersama2 dgn Jabatan Mufti Negeri Kelantan.





## **Lawatan Tapak Ujian EDM JUPEM Kedah**

Pada 14 Disember 2019, Lawatan tapak kalibrasi EDM & GNSS Sungai Santap, Jabi, Alor Setar oleh YBhg. Dato' Sr Dr. Azhari bin Mohamed, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia merangkap Pengerusi Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT). Lawatan tapak ini turut diiringi oleh Sr Shabudin bin Saad, Pengarah Ukur dan Pemetaan Kedah, Sr Tsalimy bin Abdullah, Pengarah Ukur Bahagian (Perancangan dan Korporat) dan pegawai-pegawai JUPEM lain. Sr Shabudin Saad turut memberi taklimat ringkas berkaitan kekerapan penggunaan Tapak kalibrasi EDM dan GNSS dan laporan kerosakan beberapa pillar kepada YBhg. Dato' KPUP di tapak kalibrasi tersebut.





## Lawatan Tapak Ujian ERM JUPEM Perlis

Pada 14 Disember 2019, Lawatan Tapak Ujian Kalibrasi EDM Sungai Batu Pahat, Perlis oleh YBhg. Dato' Sr Dr. Azhari bin Mohamed, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia merangkap Pengerusi Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT). Lawatan tapak ini turut diiringi oleh Sr Ahmad bin Azmi, Pengarah Ukur dan Pemetaan Perlis, Sr Tsalimy bin Abdullah, Pengarah Ukur Bahagian (Perancangan dan Korporat) dan pegawai-pegawai JUPEM lain.

Pada Majlis yang sama turut hadir dua pensyarah, Pusat Pengajian Sains Ukur, UiTM Arau iaitu Mohamad Asrul bin Mustafar dan Dr. Norsharizan bin Md Hashim. Sr Ahmad Azmi turut memberi taklimat ringkas berkaitan kekerapan penggunaan Tapak Ujian Kalibrasi EDM dan laporan kos penjagaan pillar kepada YBhg. Dato' KPUP di tapak kalibrasi tersebut.



